



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN



# PELAN STRATEGIK JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

## 2021- 2030

PENERAJU TRANSFORMASI PERIKANAN MAMPAN & BERDAYA SAING

# ISI KANDUNGAN

● PRAKATA KETUA PENGARAH PERIKANAN	...02
● PENGENALAN	...03
● VISI DAN MISI	...04
● FUNGSI	...05
● PERANAN	...06
● BUDAYA KORPORAT	...07
● DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2.0 : PERIKANAN TANGKAPAN DAN AKUAKULTUR	...08
● SASARAN KEBERHASILAN SEKTOR PERIKANAN NEGARA MENJELANG 2030	...10
● STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN SEKTOR PERIKANAN	...12
● PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN	...14
● MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	...36
● STRATEGI KOMUNIKASI	...37
● ELEMEN PENENTU KEJAYAAN	...38
● PENUTUP	...39
● PENGHARGAAN	...40

# PRAKATA

## KETUA PENGARAH PERIKANAN

Selaras dengan Dasar Kerajaan melalui “**Dasar Agromakanan Negara 2.0**” dan “**Dasar Sekuriti Makanan Negara**”, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mengambil inisiatif dengan menyediakan **Pelan Strategik DOF 2021 – 2030** sebagai usaha bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan demi untuk memenuhi harapan kumpulan sasar dan pelanggan.

Pelan Strategik ini dirangka bertujuan untuk menggembeng penglibatan setiap warga DOF agar dapat melaksanakan fungsi dan peranan masing-masing dengan berkesan untuk merealisasikan segala inisiatif yang digariskan dengan jaya.

Pelan Strategik sangat penting kerana ia merupakan “**blue print**” yang menjadi asas rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat Jabatan untuk tempoh masa yang ditetapkan. Sesuai dengan visi Jabatan iaitu ‘**Peneraju Transformasi Perikanan Mampan & Berdaya Saing**’, DOF berperanan sebagai tonggak utama kepada pengeluaran sumber protein utama negara yang menjadi pemangkin jaminan keselamatan dan kedaulatan makanan serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Pelan Strategik ini juga amat penting bagi meneruskan kecemerlangan organisasi yang sentiasa mengutamakan amalan budaya **kerja berprestasi tinggi** dan akan dijadikan pedoman yang dapat memacu warga DOF ke arah pembentukan nilai kerja yang lebih berkualiti tinggi.

Saya menaruh harapan agar Pelan Strategik DOF 2021 – 2030 ini menjadi pemangkin dalam melonjakkan peranan Jabatan sebagai sebuah agensi peneraju yang dinamik dan komprehensif dalam memperkasakan Akta Perikanan 1985 [Akta 317] serta ke arah penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi keperluan semasa.

**Selamat Maju Jaya DOF!**

**AHMAD TARMIDZI BIN RAMLY, AMK.**  
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia  
Ibu Pejabat Perikanan  
PUTRAJAYA



# Pengenalan



Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2021 – 2030 disediakan sebagai usaha Jabatan Perikanan Malaysia mendokong agenda Kerajaan untuk menjadikan Negara maju berpendapatan tinggi dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat. Menjelang tahun 2030, visi, misi, objektif, tumpuan, teras dan sasaran strategik Jabatan Perikanan Malaysia telah dirumuskan selari dengan **Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0)** dan **Dasar Sekuriti Makanan Negara** dalam memastikan kesiapsiagaan bekalan makanan negara pada setiap masa, khususnya dalam menghadapi situasi di luar jangkauan.

Pelan Strategik ini menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus Jabatan Perikanan Malaysia dalam usaha untuk mentransformasikan sektor perikanan melalui **Model Strategik** yang diterajui pihak swasta dan berasaskan komuniti di sepanjang rantai industri sekaligus akan **meningkatkan daya saing dan pendapatan kumpulan sasar**.

Pembangunan sektor perikanan akan mengambil kira kemampuan sumber sedia ada serta memastikan rakyat mempunyai akses kepada sumber makanan yang berkhasiat dengan harga yang berpatutan. Penumpuan bagi meningkatkan pengeluaran perikanan berteraskan teknologi moden yang berpaksikan **Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)** memperkukuhkan infrastruktur logistik dan pembangunan modal insan serta sokongan kemudahan pembiayaan. Di samping meningkatkan kerjasama strategik antara jabatan/agensi di bawah MAFI dan antara agensi dengan kementerian lain yang mempunyai **common area**.

# VISI & MISI

## VISI

PENERAJU  
TRANSFORMASI  
PERIKANAN MAMPAN  
& BERDAYA SAING

## MISI 1

Membangunkan industri perikanan berpancukan pasaran melalui pendekatan kreatif & inovatif


## MISI 2

Menguruskan sumber perikanan dengan efisien, inovatif dan mesra alam berasaskan maklumat saintifik dan tadbir urus yang rapi


## MISI 3

Melonjakkan sistem penyampaian berteraskan modal insan yang berkemahiran, berpengetahuan & profesional

# FUNGSI




# PERANAN




DOF bertanggungjawab **menguruskan sumber perikanan negara** secara efisien, inovatif dan mesra alam berasaskan kepada pengetahuan teknikal dan saintifik serta tadbir urus yang profesional




Industri **perikanan** merupakan salah satu bidang ekonomi utama di Malaysia dan DOF selaku peneraju industri perlu mempunyai ilmu teknikal yang meluas untuk menggalakkan penyertaan **syarikat swasta, pelabur serta kerjasama antarabangsa**



Tanggungjawab utama adalah bagi **meningkatkan bekalan ikan** makanan dan menjana pendapatan kumpulan sasar dan menyumbang kepada eksport negara



Pengukuhan pelaksanaan **Dasar Agromakanan Negara**; bagi memastikan bekalan ikan yang mencukupi bagi memenuhi permintaan tempatan; meluaskan pasaran eksport produk ikan bernilai tinggi terpilih; dan memulihara, mengurus serta menggunakan sumber secara mampan.




**Kedaulatan makanan Negara**; pengeluaran ikan makanan yang cukup memenuhi keperluan rakyat yang berhak mendapat makanan pada kuantiti, kualiti dan harga yang mampu. Pengeluaran yang bebas dari pergantungan kepada unsur luaran.



**Sektor perikanan ditransformasikan** daripada ladang berskala kecil dan tidak bersistematik kepada industri yang tersusun, bersepadu, dan kualiti hasil yang tinggi. Pengeluaran dari projek-projek didorong oleh pasaran antarabangsa dan produk akan ditambah nilai supaya menembusi pasaran premium

# BUDAYA KORPORAT





# DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2.0 : PERIKANAN TANGKAPAN DAN AKUAKULTUR

## PRINSIP PANDUAN

**Teras 1:**  
Melaksanakan  
Pemodenan dan  
Pertanian Pintar

**Teras 2:**  
Mengukuhkan Pasaran  
Domestik dan  
Mencipta/Menghasilkan  
Produk Berasaskan  
Permintaan dan Eksport

**Teras 3:**  
Membina Bakat Yang  
Memenuhi  
Permintaan Industri

**Teras 4:**  
Maju Ke Arah Amalan  
Pertanian dan Sistem  
Makanan Yang Lestari

**Teras 5:**  
Mewujudkan Ekosistem  
Perniagaan Yang  
Kondusif dan Kerangka  
Inststitusi Yang Mantap

Strategi Khusus  
Sub-industri

Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

Meningkatkan Kelestarian Sumber Perikanan

Meningkatkan Sumbangan Sektor Perikanan Kepada Ekonomi Negara

Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur

Pembolehubah  
Utama

R&D  
&C&I

Bantuan &  
Kemudahan  
Kewangan

Modal Insan &  
Kemahiran

Sokongan &  
Fasiliti  
Perniagaan

Sokongan  
Logistik &  
Infrastruktur

Rantai  
Nilai

Huluan  
Memancing,  
Pengeluaran

Pertengahan  
Pusat  
Pengumpulan,  
Pemprosesan  
Kecil

Hiliran  
Borong,  
Pemprosesan  
Makanan

Runcit  
Runcit,  
Pengedaran,  
Penggunaan

Pemain  
Utama

Nelayan & Penternak Skala Kecil

Nelayan & Penternak Skala Sederhana hingga Besar

Pelabur & Syarikat Makanan

Penyelarasan daripada pihak berkepentingan dalam Sub-industri Perikanan dan Akuakultur

Semua elemen wujud bersama dalam  
ekosistem sinergistik




8 Matlamat Utama



4 Strategi




16 Pelan Tindakan



## KEY GOALS DI BAWAH DAN 2.0 MENJELANG 2030

1. Pengeluaran ikan negara sebanyak **2.55 juta t.m**
2. Kadar sara diri (SSL) **97.8%**
3. Nisbah Perikanan Tangkapan : **Akuakultur - 60:40**
4. Nisbah Perikanan Laut Dalam & Perikanan Pantai - **30:70**
5. **10%** perairan negara diwartakan sebagai **MPA**
6. Penghapusan **pukat tunda** di **Zon B**
7. Purata pendapatan pengusaha perikanan sebanyak **RM5,500**
8. Penggunaan ikan **yang selamat, berdaya jejak dan sumber perikanan mapan**

# SASARAN KEBERHASILAN SEKTOR PERIKANAN NEGARA MENJELANG 2030



## CABARAN DI DALAM SEKTOR PERIKANAN

1. Kemerosotan Sumber
2. Pencerobohan Kawasan Tangkapan
3. Pemuliharaan Spesies Terancam, Mamalia Akuatik & Penyu
4. Kesan Perubahan Iklim
5. Peningkatan Harga Input, Upah Dan Harga Ikan
6. Produktiviti Dan Pendapatan Kumpulan Sasar
7. Modal Insan Dan Kebergantungan Kepada Pekerja Asing



# STRATEGI & PELAN TINDAKAN SEKTOR PERIKANAN

## DAN 2.0, SEKURITI MAKANAN SERTA PERIKANAN MAPAN & BERDAYA SAING

1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

1. Pemodenan Vesel dan Mekanisasi bagi Meningkatkan Kapasiti Tangkapan
2. Pembangunan Input Akuakultur
3. Meningkatkan Produktiviti Akuakultur melalui Penerapan Teknologi dan Akuakultur Bersepadu
4. Memperkukuh dan Memperluas Zon Industri Akuakultur
5. Meningkatkan Produktiviti Spesies Akuakultur
6. Menggalakkan Pensijilan, dan Pematuhan Biosekuriti Di Kalangan Nelayan dan Penternak Akuakultur

2

### Meningkatkan Kelestarian Sumber Perikanan

1. Membentuk Kesedaran Mengenai Kepentingan dan Peranan Pengguna dalam Kelestarian Rangkaian Nilai Perikanan
2. Membangunkan Komuniti Ekonomi Perikanan dan Akuakultur
3. Melaksanakan Pelan Pengurusan Perikanan



SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS

3

### Meningkatkan Sumbangan Sektor Perikanan Kepada Ekonomi Negara

1. Meningkatkan Pemudahcaraan Akses Pemasaran Ikan dan Hasil Perikanan ke Pasaran Antarabangsa
2. Menggalakkan Aktiviti Ekonomi Tambahan sebagai Pendapatan Sekunder untuk Nelayan Skala Kecil
3. Menggalakkan Pembangunan Industri Makanan dan Aktiviti Pemprosesan Makanan

4

### Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur

1. Meningkatkan Bilangan Kawasan Perlindungan Laut (MPA) dan Kawasan Santuari Air Tawar
2. Meningkatkan Pemeliharaan Sumber Perikanan Dan Pemuliharaan Habitat
3. Memperkukuhkan Jaringan dan Kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Agensi Penguatkuasaan serta Komuniti Tempatan
4. Meningkatkan Kapasiti dan Aset bagi aktiviti Monitoring, Control, Surveillance (MCS)

## RUMUSAN

BIL	STRATEGI	BIL PELAN TINDAKAN	BIL PERINCIAN	BAHAGIAN
1	Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat	6	19	PTP, AKUA, FRI, BP, KEJ, PPT, PLKK, BPM Perikanan Tangkapan : Pemodenan vesel, mekanisasi, kuota, laut dalam/tuna, penstrukturan pukut tunda, FAI  Akuakultur : Teknologi, ZIA, NBC, BMC, myGAP, bantuan, khidmat pengembangan/TOT, peraturan akua
2	Meningkatkan Kelestarian Sumber Perikanan	3	10	TLPS, PTP, FRI, BP, PLKK, PPT FMP, survei, spesifikasi peralatan, pengezonan kawasan, latihan kru, myKP, promosi/pameran
3	Meningkatkan Sumbangan Sektor Perikanan Kepada Ekonomi Negara	3	4	RB, PPT Peningkatan BOT, peningkatan pendapatan kump sasar, myKP/myAP, misi perdagangan, ekspo/pameran
4	Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur	4	10	TLPS, PS, FRI, PTP, AKUA, RB, PPT, PLKK, BKP MPA, pemuliharaan sumber, EAFM, perlindungan sumber, latihan, engagement
	4 STRATEGI	16 PELAN TINDAKAN	43 PERINCIAN	

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>1. Pemodenan dan Mekanisasi Vesel Perikanan bagi Meningkatkan Kapasiti Tangkapan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menaiktaraf dan membangunkan jeti pendaratan baru dan sedia ada serta kemudahan pemprosesan dan logistik lain.</li> <li>2. Meneroka kawasan perikanan baru (Contoh; Laut China Selatan dan Laut Sulu-Sulawesi).</li> <li>3. Meneroka faedah serta potensi lain di bawah keanggotaan <i>Western and Central Pacific Fisheries Commission</i> (WCPFC).</li> <li>4. Penstrukturan Peralatan Destruktif (Pukat Tunda dan Kenka).</li> <li>5. Menggalakkan penggunaan teknologi penangkapan ikan moden untuk meningkatkan pendaratan tangkapan (sistem FSI) untuk mengenal pasti kawasan yang mempunyai sumber terutama ikan pelagik untuk aktiviti tangkapan.</li> <li>6. Memberi latihan dan pengetahuan yang mencukupi untuk nelayan.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan peratusan ke vesel moden menjelang 2030.</li> <li>• Peningkatan peratusan vesel laut dalam menjelang 2030.</li> <li>• Peratusan vesel pukat Zon B dan Kenka menjelang 2030.</li> </ul>

## Perincian

### 1. Cadangan tambahan kuota tangkapan bagi sumber tuna, demersal laut dalam & pelagik (Jumlah 771)

PERAIRAN	DEMERSAL (KOMERSIAL & TRADISIONAL)	PELAGIK (KOMERSIAL & TRADISIONAL)	TUNA (KOMERSIAL & TRADISIONAL)
Pantai Barat Semenanjung Malaysia (Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis)	10	14	• 70 kuota vesel IOTC
Pantai Timur Semenanjung Malaysia	122	32	-
Perairan Sarawak	441	86	• 33 kuota vesel jerut tuna
Perairan Wilayah Persekutuan Labuan	70	2	• 15 kuota jongsong tuna
Perairan Sabah Barat	70	20	• 20 kuota jongsong tuna
Perairan Sabah Timur	30	5	• 25 kuota jongsong tuna
<b>Jumlah</b>	<b>743</b>	<b>159</b>	<b>93</b>
<b>JUMLAH KUOTA PELARASAN LESEN MENGIKUT PERALATAN :</b>			<b>995</b>

**Nota :**

Tiada pertambahan kuota baharu bagi Zon C di kawasan Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana mengambilkira Program Penstrukturan Semula Vesel Pukat Tunda Zon B, Pertukaran Zon A ke Zon C dan Pertukaran Zon B ke Zon C serta bilangan vesel sedia ada laut pantai .





## Perincian

2. Penstrukturan semula pukat tunda Zon B.

3. Penerokaan bilis di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak.  
(Jumlah : 64 vesel bilis)

4. Teknologi tangkapan tuna :  
i. *Purse winch, power block, line hawler, etc.*  
ii. Kaedah selain *handline*  
iii. *Motherboat (carrier vessel)*  
iv. Pemasangan RSW

5. *Fisheries Artificial Intelligence (FAI)*.

6. Pemodenan Vesel (Rekabentuk vesel yang jimat bahan bakar dan ruang kargo yang besar).

- 0 pukat tunda di Zon B1 (pengecualian untuk pukat tunda udang baring; pukat tunda B Pantai Barat Johor dan Sabah)

- Kuota di Labuan (10 vesel)  
- Kuota di Pantai Timur Semenanjung (54 vesel)  
• Kelantan - 50 vesel pukat suluh bilis  
• Terengganu - 4 vesel pukat jerut bilis  
- Kuota Bagang di Sabah timur  
- Kuota Bagang di Sabah barat

- Peningkatan pendaratan Yellowfin Tuna sebanyak 1500 t.m/tahun di IOTC (jumlah kuota IOTC sedia ada adalah 2000 t.m/ tahun).

- Peningkatan pendaratan tuna oseanik keseluruhan sebanyak 30,000 t.m/ tahun (termasuk Semenanjung, Sabah dan Sarawak)

- *MCS Big Data Profile System* dibangunkan

- 60 unit vesel di Semenanjung dimodenkan  
- 5 unit vesel tuna di Labuan dimodenkan

Jumlah 65 unit vesel dimodenkan

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>2. Pembangunan Input Akuakultur yang Sesuai dan Boleh Dilaksanakan untuk Menyediakan Rantaian Nilai Akuakultur Yang Lestari.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengukuhkan R, D, C, dan I dalam industri akuakultur dan makanan ternakan.</li> <li>2. Membangunkan <i>Nucleus Breeding Centre</i> (NBC) dan <i>Broodstock Multiplication Centre</i> (BMC) untuk menyokong usaha penyelidikan dan pembangunan stok induk yang berkualiti tinggi dan berdaya tahan.</li> <li>3. Mewujudkan sistem akreditasi untuk hatceri tempatan untuk menjaga kualiti benih yang digunakan untuk akuakultur.</li> <li>4. Pembangunan makanan ternakan menggunakan sumber protein alternatif yang setara dengan makanan yang diimport pada harga yang kompetitif.</li> <li>5. Mengkomersialkan teknologi pengeluaran makanan untuk menghasilkan makanan ternakan pada harga yang berpatutan.</li> <li>6. Memperkenalkan insentif cukai atau kemudahan kewangan untuk menarik bakal pelabur ke industri makanan akuakultur.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan teknologi makanan Akuakultur menjelang 2025.</li> <li>• Bilangan NBC dan BMC dibangunkan pada tahun 2030.</li> <li>• Jumlah stok induk yang dibangunkan pada tahun 2030.</li> <li>• Peratusan hatceri yang diakreditasi menjelang 2030.</li> </ul>

## Perincian

1. Memperkasakan program Broodstock Multiplication Centre (BMC) dengan mengembangkan fungsi pengeluaran benih kepada hatceri terpilih sebagai rakan strategik.
  2. Meningkatkan input calon induk oleh NBC dari FRI dan BMC dari PPA.
    - i. Rakan Strategik Pusat Pengeluaran Benih (hatceri)  
2025 : 25 bilangan rakan strategik swasta  
2030 : 50 bilangan rakan strategik (kumulatif)
    - ii. Bilangan calon Induk yang diberikan kepada pengusaha hatceri
      - i. FRI Tanjong Demong (siakap dan kerapu)  
2025 : 5000 induk siakap; 2000 induk kerapu harimau  
2030 : 10000 induk siakap; 5000 induk kerapu harimau
      - ii. FRI Pulau Sayak (Udang galah dan udang laut)  
2021-2030 : 5000 ekor/ tahun induk udang galah;  
1000 ekor/ tahun induk udang laut
      - iii. FRI Glami Lemi (baka tilapia merah, kelah, patin buah, ikan hiasan dan tumbuhan akuatik)  
2025 : 150,000 baka tilapia merah; 50,000 kelah;  
35,000 patin buah; 50,000 ikan hiasan;  
255,000 tumbuhan akuatik  
2030 : 300,000 baka tilapia merah; 100,000 kelah;  
70,000 patin buah; 100,000 ikan hiasan;  
500,000 tumbuhan akuatik
      - iv. Pusat Pengembangan Akuakultur (calon induk DOFia Red)  
2025 : 50,000 ekor  
2030 : 100,000 ekor (kumulatif)
  3. Meningkatkan pemberian input peralatan dan input ternakan :
    - i. peralatan seperti Sangkar/ Tangki/ Keperluan biosekuriti etc
    - ii. Input makanan , benih atau induk (bagi hatceri)
- Peningkatan Pemberian Input Ternakan kepada penternak  
2025 : 2,000 bilangan penternak (bil sebenar)  
2030 : 4,000 bilangan penternak (kumulatif)

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
3. Meningkatkan Produktiviti Akuakultur melalui Penerapan Teknologi dan Akuakultur Bersepadu.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menyediakan insentif cukai dan kemudahan kewangan yang menarik untuk mendorong, pengembangan, penggunaan teknologi moden dan automatik serta penternakan super intensif.</li><li>2. Membangun dan mempromosikan kelompok Akuakultur bersepadu untuk spesies komersial seperti tilapia, patin, udang air tawar, keli, kelah, udang laut, kerang, siakap, kerapu, dan ikan laut.</li></ol>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bilangan pengembangan, penggunaan teknologi moden dan automatik dan ladang akuakultur super intensif.</li></ul>

## Perincian

1. Menggalakkan penggunaan teknologi dalam ternakan : *GIS Technology*, Sistem RAS, IOT, Dron surveillance dan Smart Farming, BIOFLOC, Integrated Multi Trophic Aquaculture (IMTA)/Polikultur, ternakan Superintensif, Akuaponik.
  2. Memperkenalkan teknologi makanan rumusan dan makanan hidup (*moina, rotifer, algae*).
  3. Meningkatkan kemahiran kakitangan dan kumpulan sasaran.
- ToT kepada kumpulan sasaran  
2025 : 25 syarikat (2 PPUG, 2 FRI Tjg Demong, 2 FRI Gelang Patah)  
2030 : 50 syarikat (kumulatif)
  - ToT IOT kepada kumpulan sasaran  
2025 : 5 syarikat  
2030 : 10 syarikat (kumulatif)
  - Bilangan syarikat menggunakan Teknologi Makanan rumusan  
2025 : 5 syarikat  
2030 : 10 syarikat (kumulatif)
  - Transfer Teknologi dalam penghasilan makanan hidup  
2025 : 5 syarikat  
2030 : 10 syarikat (kumulatif)
  - Bilangan peserta kursus kakitangan  
2025 : 500 peserta  
2030 : 1,000 peserta (kumulatif)
  - Bilangan peserta kursus kumpulan sasaran  
2025 : 2,000 peserta  
2030 : 4,000 peserta (kumulatif)

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
4. Memperkukuh dan Memperluas Zon Industri Akuakultur untuk Meningkatkan Hasil Akuakultur.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penyelenggaraan dan peningkatan kemudahan dan fasiliti asas ZIA yang ada.</li> <li>2. Menggalakkan pelaburan penternak akuakultur baru di ZIA yang ada.</li> <li>3. Terma dan syarat penyewaan tanah yang menarik untuk meningkatkan pelaburan dalam projek akuakultur. (DOF sebagai pemudahcara).</li> <li>4. Mengenal pasti, meng gazetkan dan mengembangkan ZIA baru yang sesuai untuk aktiviti akuakultur. (DOF sebagai penasihat teknikal).</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar penggunaan ZIA yang ada.</li> <li>• Produktiviti ladang akuakultur dalam ZIA (cth. MT/ladang).</li> </ul>

## Perincian

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperkasakan program akuakultur sedia ada seperti PPIA.</li> <li>2. Membangunkan kawasan berpotensi seperti Empangan Bakun, Tasik Temenggor (100ha masih boleh dibangunkan, Sungai Como (Perairan 2,800ha masih boleh dibangunkan).</li> <li>3. Kerjasama bersama kerajaan negeri bagi menarik pelabur-pelabur baru termasuk pelabur sedia ada untuk membangunkan Zon Industri Akuakultur.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan pengusaha baru yang menjalankan ternakan di kawasan ZIA.</li> <li>• 2025 : 10 pengusaha (individu/ syarikat) projek akuakultur.</li> <li>• 2030 : 20 pengusaha (individu/ syarikat) projek akuakultur (kumulatif).</li> </ul>
--	---

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>5. Meningkatkan Prestasi dan Produktiviti Spesies Akuakultur Sediaada, dan Mengenalpasti Spesies Yang Berpotensi Untuk Diperkembangkan di Malaysia.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenalpasti dan mempelbagaikan spesies akuakultur yang dapat diterima oleh pengguna.</li> <li>2. Mengembangkan dan meningkatkan teknik akuakultur untuk spesies yang dikenal pasti untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan sub-industri.</li> <li>3. Kemudahan kewangan yang menarik, pelepasan cukai, dan insentif untuk ladang akuakultur yang menceburkan diri dalam spesies yang dikenalpasti di bawah senarai berpotensi tinggi.</li> <li>4. Pengembangan serta penggunaan teknologi, pengetahuan pengurusan perniagaan, peraturan dan kepatuhan biosekuriti diperkenalkan bagi membantu penternak akuakultur dalam menguruskan ladang akuakultur yang cekap dan produktif.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan spesies Akuakultur yang berjaya dikenal pasti mempunyai produktiviti tinggi menjelang 2023.</li> <li>• Kemas kini senarai spesies berpotensi tinggi berdasarkan permintaan pasaran dan penilaian kemungkinan (setiap tahun/ dua tahun sekali).</li> </ul>

## Perincian

1. Memperkasakan pengeluaran ikan bernilai tinggi dan *market-driven* seperti jenahak, kerapu, bawal mas, nyok-nyok (GT) dan sebagainya.
2. Mengadakan perbincangan dengan agensi berkaitan dan mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk mengoptimumkan pengeluaran ikan dengan menggunakan kemudahan infrastruktur sedia ada.

- Bilangan spesies sedia ada  
Kerapu, Siakap, Merah, udang putih, udang putih, udang kara air tawar, keli, tilapia, patin, rumpai laut dan udang galah.
- Bilangan Spesies Yang Berpotensi  
Laktut, Kelah, bawal mas, jenahak, nyok-nyok dan kerang-kerangan.

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 1

### Memastikan Produk Perikanan Mencukupi, Berpatutan dan Selamat

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>6. Menggalakkan Pensijilan, dan Pematuhan Biosekuriti Di Kalangan Nelayan dan Penternak Akuakultur.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggalakkan penggunaan produk yang diperakui (seperti myGAP dan MSC) untuk penggunaan.</li> <li>2. Skim myGAP dan/ atau MSC dan pensijilan lain diiktiraf sebagai prasyarat untuk sebarang permohonan insentif cukai atau kemudahan kewangan atau bantuan fasiliti oleh pemain industri.</li> <li>3. Menjalankan program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Masyarakat (CEPA) untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penternak dan pengguna mengenai pentingnya pensijilan, dan kepatuhan biosekuriti makanan.</li> <li>4. Memberi kemudahan kewangan dan bantuan fasiliti kepada pemain sub-industri Perikanan dan Akuakultur untuk mengatasi kos tambahan bagi memenuhi keperluan myGAP, MSC dan lain-lain.</li> <li>5. Pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) 2017 di seluruh negara yang mana peraturan ini mewajibkan semua premis akuakultur dipersijilkan myGAP sebagai syarat untuk mendapatkan lesen atau permit.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peratusan penggunaan myGAP di ladang Akuakultur.</li> <li>• Peratusan penggunaan MSC dan pensijilan lain di antara syarikat perikanan dan pemprosesan makanan.</li> </ul>





## Perincian

1. Penggunaan ikan yang selamat, berdaya jejak dan sumber perikanan mapan (myGAP dan MSC-Sustainable Fishing).

2. Pengeluaran hasil akuakultur yang berkualiti dan selamat dimakan.

- Pertambahan 630 ladang akuakultur baru yang dipersijilkan myGAP.
- 2 siri libat urus/ tahun bagi promosi ke arah pensijilan HOB/pemodenan vesel (vesel C dan C2) etc ke arah MSC.
- 100% pematuhan terhadap pensijilan FQC (*Fish Quality Certificate*) bagi tujuan eksport ke EU.
- 100% pematuhan terhadap *Catch Certificate* dan Annex IV bagi tujuan eksport ke EU.
- Penggunaan ACDS (*ASEAN Catch Documentation Scheme*) diperluaskan untuk pengeksportan ke EU.
- Pelesenan aktiviti akuakultur melalui pewartaan Kaedah Perikanan Darat di semua negeri.
- Bilangan Negeri – negeri yang telah mengadaptasi kaedah perikanan darat.  
2021 : 2 warta (3 lulus)  
2025 : Semua negeri

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 2

### Meningkatkan Kelestarian Sumber Perikanan

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>1. Membentuk Kesedaran Mengenai Kepentingan dan Peranan Pengguna dalam Kelestarian Rantaian Nilai Perikanan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan kemampuan sistem mengesan ikan dan produk perikanan serta mendidik masyarakat umum dan nelayan mengenai Skim Dokumentasi Tangkap ASEAN Elektronik (eACDS).</li> <li>2. Menguatkuasakan penggunaan e-logbook atau buku log manual untuk vesel penangkapan ikan Zon C2 dan C3.</li> <li>3. Membangunkankan dan melaksanakan pelabelan yang jelas pada produk yang dihasilkan secara lestari.</li> <li>4. Menyebarkan maklumat terkini dan tepat mengenai produk yang dihasilkan secara lestari.</li> <li>5. Mempromosikan dan mendidik pengguna adalah melalui pemasaran digital dan platform media sosial serta promosi melalui duta produk.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah kempen dan promosi melalui media sosial dan duta produk setiap tahun.</li> </ul>

## Perincian

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan pilihan pengguna terhadap ikan yang berdaya jejak (<i>traceable food choices</i>).</li> <li>2. Meningkatkan kesedaran kepentingan kelestarian rantaian nilai perikanan melalui pelaksanaan program hebahan, sesi libat urus, pameran dan promosi.</li> </ol>	<p>Bil kempen, sesi libat urus dan promosi melalui pameran dan media</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2021: 100</li> <li>• 2025 : 500 (kumulatif)</li> <li>• 2030 : 1000 (kumulatif)</li> </ul>
---	---

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 2

### Meningkatkan Kelestarian Sumber Perikanan

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
2. Membangunkan Komuniti Ekonomi Perikanan dan Akuakultur.	1. Menyediakan kemudahan kewangan, insentif cukai serta bantuan fasiliti yang relevan untuk pelabur, nelayan atau penternak.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pertubuhan komuniti ekonomi yang berkaitan dengan Perikanan yang akan dibentuk menjelang 2030.</li> </ul>

## Perincian

<ol style="list-style-type: none"> <li>Memperkenalkan KePT C21 (Keperluan Tenaga Kerja Tempatan Dalam sektor Perikanan Tangkapan Zon C dan C2) yang bekerja di atas vesel komersial.</li> <li>Penubuhan Komuniti Perikanan Akuakultur.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>300 kru tempatan dilatih setahun. (Tempoh Latihan 2 minggu secara kursus amali dan praktikal).</li> <li>Bilangan myKP (akuakultur). 2021 : 10 komuniti perikanan akuakultur 2025 : 50 komuniti perikanan akuakultur (kumulatif) 2030 : 100 komuniti perikanan akuakultur (kumulatif)</li> </ul>
---	--

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 2

### Meningkatkan Kelestarian Sumber Perikanan

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
3. Melaksanakan Pelan Pengurusan Perikanan.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menjalankan program penilaian stok secara berkala untuk menilai status dan merancang intervensi pengurusan.</li><li>2. Melaksanakan pengurusan intensiti penangkapan ikan terutama di kawasan kritikal, mengurangkan jumlah dan jenis vesel serta ukuran mata pukat yang dapat digunakan di perairan Malaysia.</li><li>3. Meningkatkan program pengurusan dan penglibatan bersama untuk mendapatkan sokongan daripada komuniti dan nelayan tempatan.</li><li>4. Membangun kemampuan nelayan untuk menggunakan pendapatan alternatif untuk mengekalkan daya maju ekonomi semasa penguatkuasaan musim tertutup kawasan atau musim tengkujuh.</li></ol>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 2 kajian sumber menjelang tahun 2030.</li><li>• Peratus peningkatan biomas ikan pada tahun 2030.</li></ul>



## Perincian

- |  |  |
|--|--|
| <ol style="list-style-type: none"><li>1. Penyediaan profil FMP untuk seluruh negara.</li><li>2. Pentaksiran sumber perikanan di lapangan .</li><li>3. Analisis status sumber melalui data perangkaan perikanan 2 tahun sekali.</li><li>4. Penentuan kuota pelesenan.</li><li>5. Pengezonan semula kawasan penangkapan ikan.</li><li>6. Spesifikasi peralatan menangkap ikan.</li></ol> | <ol style="list-style-type: none"><li>1. 53 FMP disiapkan menjelang 2025.</li><li>2. Survei sumber perikanan dijalankan 5 tahun sekali.</li><li>3. Analisis data perangkaan tangkapan ikan 2 tahun sekali.</li><li>4. Semakan semula kuota pelesenan setiap 2 tahun.</li><li>5. Peratus peningkatan biomas ikan.<ul style="list-style-type: none"><li>• Semenanjung 12-20%</li><li>• Sabah/Sarawak 50-60%</li></ul></li><li>6. Spesifikasi bagi jenis peralatan :<ul style="list-style-type: none"><li>• Pukat tunda udang baring</li><li>• Pukat jerut tuna neritik dan oseanik</li><li>• Peralatan yang tidak bergerak- pompang, gombang.</li><li>• Spesifikasi vesel MPPI</li></ul></li></ol> |
|--|--|

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 3

### Meningkatkan Sumbangan Sektor Perikanan Kepada Ekonomi Negara

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>1. Meningkatkan Pemudahcaraan Akses Pemasaran Ikan dan Hasil Perikanan ke Pasaran Antarabangsa.</p>	<p>1. Menganjurkan dan mengambil bahagian dalam pameran makanan antarabangsa.</p> <p>2. Memainkan peranan proaktif dalam mempromosikan makanan tempatan, memadankan industri ke pasaran antarabangsa, memfasilitasi perkongsian strategik, memberikan garis panduan yang jelas mengenai peraturan dan undang-undang, dan membantu meneroka pasaran yang berpotensi.</p> <p>3. Meningkatkan keupayaan dan penambahbaikan dalam pembungkusan, pemasaran, pelabelan, dan pematuhan pensijilan (cth. myGAP, HACCP dan pensijilan Halal).</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan peratusan eksport ikan dan produk perikanan dari Malaysia.</li> <li>• Peratusan mengurangkan dalam keseimbangan perdagangan negatif.</li> <li>• Jumlah penyertaan dalam pameran makanan antarabangsa.</li> </ul>

## Perincian

<p>1. Peningkatan eksport ikan dan hasil ikan Malaysia (spesies udang, ikan, sotong, tuna).</p> <p>2. Mempromosi dan memperluaskan pasaran eksport melalui misi perdagangan ke luar negara melalui penyertaan pameran dan ekspso dalam dan luar negara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peningkatan BOT <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2025 (+RM1.8 Bil)</li> <li>- 2030 (+RM4.47 Bil)</li> </ul> </li> <li>• Bil Pameran/Ekspo disertai setiap tahun <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2021 : 5 pameran dalam dan luar negara</li> <li>- 2025 : 25 pameran dalam dan luar negara (kumulatif)</li> <li>- 2030 : 30 pameran dalam dan luar negara (kumulatif)</li> </ul> </li> </ul>
---	---

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 3

### Meningkatkan Sumbangan Sektor Perikanan Kepada Ekonomi Negara

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
2. Menggalakkan Aktiviti Ekonomi Tambahan sebagai Pendapatan Sekunder untuk Nelayan Skala Kecil.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menganjurkan program pengurusan berasaskan masyarakat di kawasan pesisir untuk nelayan berskala kecil.</li> <li>2. Menggalakkan aktiviti memancing rekreasi, aktiviti akuakultur dan kegiatan penternakan lain sebagai sumber pendapatan tambahan bagi nelayan.</li> <li>3. Meningkatkan keupayaan dan penambahbaikan dalam pembungkusan, pemasaran, pelabelan, dan pematuhan pensijilan (cth. myGAP, HACCP dan pensijilan Halal).</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan zon digazetkan dengan aktiviti berasaskan komuniti yang dicadangkan.</li> <li>• Peningkatan peratusan pendapatan nelayan.</li> </ul>

## Perincian

1. Peningkatan taraf hidup dan pendapatan nelayan (menternak kupang, umpan rekreasi dan sebagainya).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 300 myKP menjelang 2030               <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2021 : 30 myKP</li> <li>- 2025 : 150 myKP (kumulatif)</li> <li>- 2030 : 300 myKP (kumulatif)</li> </ul> </li> <li>• 60% peningkatan pendapatan nelayan (RM3,400 kepada RM5,500)</li> </ul>
--	--

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 3

### Meningkatkan Sumbangan Sektor Perikanan Kepada Ekonomi Negara

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
3. Menggalakkan Pembangunan Industri Makanan dan Aktiviti Pemprosesan Makanan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kemudahan kewangan, pelepasan cukai atau insentif yang menarik.</li> <li>2. Program pembangunan kapasiti dalam pemprosesan, pembungkusan dan pelabelan, pemasaran, pematuhan pensijilan (HACCP, Halal).</li> <li>3. R, D, C, dan I yang berterusan dalam mengembangkan dan meningkatkan produk berasaskan Agro (kajian kandungan nutrien, pemeliharaan kualiti, rasa dan tekstur dsb)</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan tahunan (jumlah dan nilai) produk perikanan yang disasarkan.</li> </ul>

## Perincian

1. Peningkatan nilai tambah industri perikanan melalui program myAgropreneur Perikanan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 1000 projek myAP menjelang 2030               <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2021 : 100 myAP</li> <li>- 2025 : 500 myAP (kumulatif)</li> <li>- 2030 : 1,000 myAP (kumulatif)</li> </ul> </li> </ul>
---	--



# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 4

### Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>1. Meningkatkan Bilangan Kawasan Perlindungan Marin (<i>Marine Protected Area</i>) dan Kawasan Santuari Air Tawar.</p>	<p>1. Memastikan kepada perundangan berkuatkuasa pada setiap masa dikawasan MPA.</p> <p>2. Mengenal pasti dan mewujudkan santuari air tawar.</p> <p>3. Melaksanakan program pemuliharaan, pengawasan, dan pemantauan secara berterusan untuk memastikan kelestarian sumber di kawasan yang dilindungi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah dan keluasan kawasan MPA serta santuari air tawar.</li> </ul>

## Perincian

<p>1. Mempertingkatkan libat urus dengan kerajaan negeri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>10% MPA menjelang 2030 (status terkini 2021 : 5.3% telah diwartakan (termasuk Sabah &amp; Sarawak).</li> </ul>
---	---

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 4

### Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
2. Meningkatkan Pemeliharaan Sumber Perikanan Dan Pemuliharaan Habitat.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengenalpastian habitat kritikal untuk pemeliharaan dan pemuliharaan.</li> <li>2. R,D,C&amp;I pada reka bentuk terumbu buatan baru yang menjimatkan kos dan mesra habitat.</li> <li>3. Memantau, memetakan dan membangunkan pangkalan data terumbu buatan di perairan Malaysia untuk menilai keberkesanan terumbu buatan yang digunakan.</li> <li>4. Penilaian mengenai sumbangan terumbu buatan kepada ekonomi negara.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Biomass ikan.</li> <li>• Nilai ekonomi sumber perikanan di kawasan terumbu buatan.</li> <li>• Peningkatan sumber perikanan dan pemulihan habitat.</li> </ul>

## Perincian

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melaksanakan langkah pemuliharaan sumber (<i>sea ranching</i>, tukun tiruan &amp; <i>rig-to-reef</i>, refugia, musim tertutup, zon konservasi).</li> <li>2. Mewujudkan kumpulan EAFM di bawah myKP.</li> <li>3. Pembinaan tukun untuk komuniti dan propagasi karang.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 10 kawasan santuari/ refugia/ kawasan perikanan menjelang 2030.</li> <li>• Pelepasan 40 juta ekor benih ikan darat ke perairan umum menjelang 2030.</li> <li>• Mewujudkan peraturan untuk musim tertutup.</li> <li>• 130 Program Pemuliharaan Ekosistem Perikanan/tahun</li> <li>• 10 program CSR/tahun.</li> <li>• 20 kawasan tapak tukun tiruan yang dibina untuk pemuliharaan sumber (2 tapak/ tahun).</li> </ul>
---	---

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 4

### Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>3. Memperkukuhkan Jaringan dan Kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Agensi Penguatkuasaan serta Komuniti Tempatan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memperkukuhkan jaringan dengan agensi penguatkuasaan maritim untuk mengoptimumkan kapasiti terhad dan perkongsian risikan.</li> <li>2. Penglibatan secara berterusan dan berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai hal-hal yang berkaitan dengan tanah dan negeri.</li> <li>3. Membentuk perkongsian strategik dengan masyarakat dan pihak berkepentingan dalam pengurusan bersama dan peningkatan keupayaan.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan operasi bersama/ sesi libat urus/ program bersama setiap tahun.</li> </ul>

## Perincian

1. Menjalankan kerjasama Rakan Strategik dengan Jabatan, agensi dan swasta melibatkan perkongsian kemudahan dan pakar.

- *Engagement* melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Negeri/ Majlis Tindakan Pertanian Negeri/ MPI/ *engagement* bersama komuniti perikanan (5 platform kerjasama/ tahun).

# PELAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN, AKTIVITI, KPI, PERINCIAN

## Strategi 4

### Mengutamakan Tadbir Urus Yang Baik Di Dalam Industri Perikanan dan Akuakultur

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	KPI
<p>4. Meningkatkan Kapasiti dan Aset bagi Pemantauan, Pengendalian dan Pengawasan (<i>Monitoring, Control and Surveillance</i>).</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan teknologi seperti <i>Vessel Monitoring System</i> (VMS) serta drone udara dan bawah air dapat digunakan untuk membantu aktiviti MCS.</li> <li>2. Penggunaan <i>Radio-Frequency Identification</i> (RFID), data vesel digital, dan teknologi pengenalan wajah dapat digunakan untuk mengesan pelanggaran syarat pelesenan.</li> <li>3. Kapal peronda perlu mencukupi dan lengkap untuk melakukan pengawasan berterusan di perairan.</li> <li>4. Latihan yang tepat untuk pegawai serta menjalani program peningkatan kapasiti yang berterusan untuk menyokong aktiviti pemantauan laut.</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah VMS, dron dan RFID yang akan digunakan menjelang 2025.</li> <li>• Bilangan aktiviti rondaan yang akan dilakukan setiap tahun.</li> <li>• Bilangan latihan dan program peningkatan kapasiti yang akan dilakukan setiap tahun.</li> <li>• Jumlah penilaian/tinjauan yang dilakukan terhadap undang-undang dan peraturan mengenai perikanan.</li> </ul>

## Perincian

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan tahap kesiapsiagaan unsur dari pada 45% kepada 80% dengan dinaiktaraf kapal peronda sedia ada dan perolehan bot peronda laju baharu menggantikan bot yang rosak dan uzur.</li> <li>2. Perolehan kapal pengangkut sebagai sokongan logistik penguatkuasaan di laut.</li> <li>3. Memperketatkan penguatkuasaan.</li> <li>4. Memperkemarkan dasar dan syarat pelesenan bagi melancarkan penguatkuasaan.</li> <li>5. Meningkatkan kemahiran kakitangan dan kumpulan sasar ke arah peningkatan teknologi akuakultur</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 kapal peronda sedia ada dinaiktaraf menjelang 2025.</li> <li>• Penggantian 13 bot peronda laju kepada bot baharu menjelang 2025.</li> <li>• 1 kapal pengangkut menjelang 2025.</li> <li>• 3,000 pemeriksaan vesel setahun di laut menggunakan bot peronda/ risik.</li> <li>• 2025-Kumpulan sasar: 100 org</li> </ul>
--	---

# MEKANISME PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Pelaporan pelaksanaan dan pencapaian  
program kepada urusetia  
- 6 Bulan Sekali



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan  
Pelan Strategik - 2 Kali Setahun



Pembentangan kepada Pengurusan  
Tertinggi - 1 kali Setahun



Pelaksanaan Kajian Semula, Penilaian  
dan penambahbaikan Pelan Strategik  
- 2 kali Setahun



# STRATEGI KOMUNIKASI



# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN



## KOMITMEN WARGA DOF

Komitmen warga DOF merupakan penentu utama kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik DOF. Keterlibatan dan sokongan padu seluruh warga DOF amat diperlukan bagi menjayakan strategi-strategi yang telah ditetapkan.



## MODAL INSAN YANG KOMPETEN

Pegawai & staf yang kompeten adalah faktor penentu Pelan Strategik DOF ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu & kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai. Pendekatan mentor-mentee, coaching & pengurusan pembangunan kerjaya turut diadaptasi bagi meningkatkan kompetensi pegawai & staf DOF.



## PENERIMAAN DAN SOKONGAN PIHAK BERKEPENTINGAN DAN RAKAN STRATEGIK

Sokongan pihak berkepentingan dan rakan strategik diperlukan untuk mencapai matlamat yang telah disasarkan oleh DOF.



## PENGUPAYAAN DAN PEMERKASAAN ICT

Pengupayaan dan pemerksaan ICT adalah diperlukan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan kerja.



## PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN YANG BERKESAN

Kejayaan Pelan Strategik DOF bergantung kepada cara pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan. Pemantauan perlu diadakan secara berkala dan penambahbaikan dibuat pada setiap peringkat pelaksanaan supaya setiap strategi berada di landasan yang betul.



## KEMAMPANAN KEWANGAN

Pengupayaan dan kemampuan kewangan adalah diperlukan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan kerja.



# PENUTUP

**P**elan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2021-2030 dirangka bagi menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang yang lebih fokus untuk memacu transformasi sektor perikanan ke arah memastikan kesiapsiagaan bekalan makanan berasaskan industri perikanan negara pada setiap masa, terutama mendepani situasi di luar jangkaan yang mencabar.


Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) akan secara konsisten menggembeng tenaga warga di semua peringkat berdasarkan empat (4) teras Strategi yang diperincikan melalui 16 Pelan Tindakan sepertimana digariskan di dalam Pelan Strategik ini. Pelaksanaan komitmen ini juga melibatkan penyertaan pihak swasta dan penglibatan berasaskan komuniti melalui Model Strategik yang dijangka mampu meningkatkan sumbangan kepada industri perikanan, melengkapkan rantai nilai, di samping menyumbang kepada pertumbuhan dan kemampanan ekonomi negara, serta memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan.

DOF melihat komitmen dalam pelaksanaan program dan aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan secara bersepadu berdasarkan sasaran yang ditetapkan dalam tempoh sepuluh (10) tahun yang akan datang bagi memenuhi KPI yang diaspirasikan ini telah secara jelas mencerminkan aspirasi dan komitmen DOF dalam memastikan bekalan ikan yang mencukupi, mampu milik dan selamat, meningkatkan sumbangan perikanan kepada ekonomi negara serta menjamin sekuriti makanan negara.



# PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada seluruh warga Jabatan Perikanan Malaysia dalam merangka dan membangunkan dokumen Pelan Strategik Jabatan Perikanan Malaysia 2021 - 2030 yang menjadi panduan kepada Jabatan selari dengan pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2.0. Semoga ianya akan menjadikan Jabatan Perikanan Malaysia kekal sebagai sebuah organisasi yang cemerlang di masa hadapan.





**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

Aras 1-6, Blok 4G2, Wisma Tani, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62628 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8870 4000 Faks: 03-8888 5490 Laman Sesawang: <https://www.dof.gov.my> Emel: [hqhelp@dof.gov.my](mailto:hqhelp@dof.gov.my)



Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)



@DOF\_malaysia



@dofmalaysia



@dofmalaysia